

KUMIPA BALANCED FUND



LAPORAN TAHUNAN 2025

**Bagi Tahun Kewangan Berakhir
30 April 2025**

**PENGURUS TABUNG
PENGURUSAN KUMIPA BERHAD
198901010602 (187904-M)
(CMSL/A0150/2007)**

Kandungan	Muka surat
Maklumat Tabung	1
Prestasi Tabung	3
Laporan Pengurus	5
Laporan Pemegang Amanah	10
Laporan Dan Penyata Kewangan Diaudit	11
Maklumat Tambahan	35
Maklumat Korporat Pengurus	40

**LAPORAN TAHUNAN KUMIPA BALANCED FUND
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Para Pemegang Unit Yang Dihormati,

Pengurusan Kumipa Berhad (PKB atau Pengurus) selaku Pengurus KUMIPA Balanced Fund (Tabung) dengan ini mengemukakan Laporan Pengurus dan akaun tabung yang diaudit bagi tempoh setahun mulai 1 Mei 2024 hingga 30 April 2025.

Pengurus terlebih dahulu merakamkan ribuan terima kasih kepada para pemegang unit yang dihormati di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan. Pengurus akan meneruskan usaha memperbaiki pencapaian Tabung dan memberikan komitmen sepenuhnya agar pelaburan Tabung menjana pulangan yang berpatutan.

MAKLUMAT TABUNG

1. NAMA TABUNG

KUMIPA Balanced Fund

2. TARIKH PELANCARAN SEMULA

20 Jun 1994

3. KATEGORI TABUNG

Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang

4. JENIS

Tabung Pendapatan Dan Pertumbuhan

5. OBJEKTIF PELABURAN

Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan material kepada objektif pelaburan Tabung.

6. PENANDA ARAS PRESTASI TABUNG

Pengurus menggunakan gabungan Indeks FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional di institusi kewangan utama tempatan sebagai penanda aras untuk mengukur prestasi pelaburan Tabung. Ianya dikira berdasarkan kepada peratus perubahan bulanan kedua-dua indeks tersebut.

Prestasi kedua-dua asas tanda aras tersebut diwajibkan atau dibahagikan di dalam nisbah 60:40 mengikut perumpukan aset Tabung.

Asas pengiraan yang digunakan ialah:

- Prestasi Indeks FBMEmas iaitu indeks yang mewakili hampir semua syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Pendedahan pelaburan ekuiti Tabung hampir keseluruhannya adalah di dalam syarikat-syarikat papan utama, manakala pembahagian sektor juga hampir menyamai pembahagian sektor di papan utama. Ianya boleh dirujuk di www.bursamalaysia.com.my dan;

- Kadar simpanan tetap konvensional untuk satu (1) tahun yang boleh dirujuk di laman web institusi kewangan utama tempatan.

7. POLISI AGIHAN PENDAPATAN

Pengurus akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

PRESTASI TABUNG

1. PERBANDINGAN PENCAPAIAN BAGI TIGA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL

A. Komposisi Portfolio Pelaburan (mengikut nilai pasaran)

	2025	2024	2023
Sekuriti tersenarai (tempatan) (RM'000)	20,156	22,907	18,469
Sekuriti pendapatan tetap dan simpanan (RM'000)	21,029	21,828	21,839
Sektor pelaburan sekuriti tersenarai			
Perkhidmatan Kewangan	11.25%	12.46%	9.95%
Barangan Industri/Perkhidmatan	6.68%	6.11%	7.44%
Barangan Pengguna/Perkhidmatan	5.15%	5.79%	4.35%
Perladangan	4.34%	3.73%	4.38%
Pembinaan	4.03%	3.76%	3.29%
REITS	3.83%	3.81%	4.21%
Penjagaan Kesihatan	3.32%	4.30%	2.37%
Utiliti	2.51%	3.42%	3.49%
Tenaga	2.25%	1.70%	1.14%
Teknologi	1.98%	1.87%	1.17%
Hartanah	1.74%	2.00%	1.91%
Pengangkutan dan Logistik	1.46%	1.76%	1.01%
Telekomunikasi dan Media	1.30%	1.62%	1.89%
	2025	2024	2023
B Nilai Aset Bersih (RM'000) (Selepas Agihan)	40,441	43,800	39,635
C Nilai Aset Bersih Seunit (RM) (Selepas Agihan)	0.2058	0.2246	0.2054
Bilangan Unit Dalam Edaran (unit '000)	196,459	195,040	192,933
	(RM)	(RM)	(RM)
D Nilai Aset Bersih Seunit Tertinggi (Selepas Agihan) (Bagi tempoh 1 Mei – 30 April)	0.2292	0.2353	0.2223
E Nilai Aset Bersih Seunit Terendah (Selepas Agihan) (Bagi tempoh 1 Mei – 30 April)	0.2076	0.2015	0.2067
	2025	2024	2023
	(%)	(%)	(%)
F Jumlah Pulangan:			
- Pertumbuhan Modal	(8.37)	9.35	(7.77)
- Hasil Pulangan Pendapatan	5.10	4.90	4.38
Jumlah	(3.27)	14.25	(3.39)
	% / (sen)	% / (sen)	% / (sen)
G Agihan			
Kasar pada 30 April	1.05/(1.05)	1.10/(1.10)	0.90/(0.90)
Bersih pada 30 April	1.03/(1.03)	1.08/(1.08)	0.88/(0.88)
Unit percuma	-	-	-
H Nisbah Jumlah Perbelanjaan (%)*	1.64%	1.67%	1.64%
I Nisbah Dagangan Portfolio (kali)**	0.11	0.15	0.09

* Nisbah jumlah perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2025 menunjukkan sedikit penurunan daripada 1.67% kepada 1.64% iaitu sebanyak 0.03%. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan dalam perbelanjaan pentadbiran berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

** Nisbah dagangan portfolio menunjukkan sedikit perubahan. Hanya menurun daripada 0.15 kali kepada 0.11 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2025. Perubahan ini disebabkan berlaku penurunan dalam aktiviti jualan dan belian ekuiti yang dilaksanakan berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

2. PURATA PULANGAN TAHUNAN

	Jumlah	Purata
Tempoh 1 Tahun (01.05.2024 hingga 30.04.2025)	(3.27%)	(3.27%)
Tempoh 3 Tahun (01.05.2022 hingga 30.04.2025)	7.59%	2.53%
Tempoh 5 Tahun (01.05.2020 hingga 30.04.2025)	21.17%	4.23%

3. JUMLAH PULANGAN TAHUNAN BERAKHIR 30 APRIL

Tahun	Jumlah
2025	(3.27%)
2024	14.25%
2023	(3.39%)
2022	2.13%
2021	11.44%

Nota :

- (i) Data-data berkaitan yang digunakan adalah berdasarkan penyata kewangan tabung yang telah diaudit.
- (ii) Jumlah pulangan tabung terdiri daripada hasil pulangan pendapatan dan pertumbuhan modal. Berikut ialah asas kiraan pulangan tabung:
- Hasil Pulangan pendapatan : $\frac{(\text{Agihan Kasar Seunit} + \text{Bonus Seunit})}{(\text{NAB Akhir Seunit (selepas agihan)})}$
 - Pertumbuhan modal : $\left\{ \frac{\text{NAB akhir Seunit (selepas agihan)}}{\text{NAB awal Seunit (selepas agihan)}} \right\} - 1$
 - Jumlah pulangan : Hasil Pulangan pendapatan + Pertumbuhan modal
- (iii) Purata jumlah pulangan tahunan = pulangan tahunan dicampurkan dan dibahagikan dengan tahun dikehendaki.

Contoh :

Untuk tiga tahun = $\frac{(\text{jumlah pulangan tahun 1} + \text{jumlah pulangan tahun 2} + \text{jumlah pulangan tahun 3})}{3}$

- (iv) Nisbah jumlah perbelanjaan dan nisbah dagangan portfolio boleh dirujuk kepada penyata kewangan tabung diaudit di muka surat 32 dan 33.

KENYATAAN

Pencapaian Tabung atau rekod pengagihan Tabung pada masa lalu tidak menjamin atau menggambarkan pencapaian/perolehan di masa hadapan.

Harga-harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik.

LAPORAN PENGURUS

1. Ulasan Pencapaian Tabung

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2025, KUMIPA Balanced Fund telah mengumpulkan pendapatan-pendapatan nyata seperti berikut :-

	Pada 30.4.2025	Pada 30.4.2024	Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Keuntungan jualan saham	1.31	2.45	(46.53)
Dividen	0.99	0.86	15.12
Hibah	0.48	0.42	14.29
Faedah	0.29	0.29	0.00
JUMLAH PENDAPATAN NYATA	3.07	4.02	(23.63)

Nilai Aset Bersih (NAB) (RM Juta) (selepas agihan)	40.00	44.00	(9.09)
Nilai Aset Bersih Seunit (NAB Seunit) (selepas agihan)	RM0.2058	RM0.2246	(8.37)
Kadar agihan pendapatan kasar	1.05%	1.10%	(4.55)


UNIT DALAM PUSINGAN PADA 30 APRIL	196,458,745	195,039,745
-----------------------------------	-------------	-------------

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2025, secara keseluruhannya pendapatan nyata Tabung mencatatkan penurunan sebanyak 23.63% berbanding dengan tahun kewangan yang lepas. Keuntungan jualan saham merosot sebanyak 46.53% sementara pendapatan dividen merekodkan peningkatan sebanyak 15.12% dan pendapatan hibah pula merekodkan peningkatan sebanyak 14.29% masing-masing.

NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 9.09% sejajar dengan penurunan pasaran saham tempatan di akhir tahun kewangan.

2. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS TABUNG

Graf di bawah ini menerangkan prestasi KUMIPA Balanced Fund dengan membandingkan jumlah pulangan tahunan tabung dengan penanda aras Tabung bagi lima tahun kewangan berakhir 30 April.



Prestasi Tabung yang lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.

3. POLISI PELABURAN

Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi:

- Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.
- Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang stabil.
- Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% daripada NAB Tabung akan dilaburkan di dalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya di dalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair. Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih Tabung. Lebihan atau kurangan daripada had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%.

Nisbah yang tertera di atas merupakan garis panduan asas sahaja. Nisbah ini boleh dilaraskan agar sejajar dengan prestasi pasaran dan juga situasi ekonomi semasa.

- Sekurang-kurangnya 10% daripada NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.
- Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau terkurang daripada strategi perumpukan yang asal, berdasarkan kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung dan supaya dapat menjana pulangan yang baik.

4. STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan ekuiti Tabung adalah memilih kaunter-kaunter yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, hasil dividen dan potensi pertumbuhan modal yang positif.

Bagi pelaburan pendapatan tetap pula, simpanan jangka sederhana iaitu melebihi satu tahun diberi umpukan yang lebih besar bagi mendapatkan pulangan yang optimum.

5. PERUMPUKAN ASET TABUNG

	Pada 30.4.2025	Pada 30.4.2024	Perubahan
Ekuiti	50%	52%	(3.85%)
Instrumen pasaran wang	50%	48%	4.17%

Perumpukan di dalam ekuiti menurun sebanyak 3.85%, manakala perumpukan dalam instrumen pasaran wang meningkat sebanyak 4.17% sejajar dengan keadaan pasaran ekuiti dan wang semasa.

6. PINJAMAN SEKURITI ATAU PEMBELIAN SEMULA SEKURITI

Tabung tidak terlibat dengan sebarang transaksi pinjaman sekuriti dalam tempoh liputan ini.

7. ANALISA PRESTASI TABUNG

	Pada 30.4.2025 (selepas agihan)	Pada 30.4.2025 (sebelum agihan)	Pada 30.4.2024 (selepas agihan)	Pada 30.4.2024 (sebelum agihan)
NAB seunit (RM)	0.2058	0.2161	0.2246	0.2353

NAB seunit pada 30.4.2025 sebelum agihan ialah RM0.2161 dan menurun kepada RM0.2058 setelah agihan dibuat.

8. ANALISA PASARAN

A. Laporan Pasaran Saham

Pasaran saham utama dunia telah mencatatkan prestasi yang baik sepanjang tahun 2024 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global yang kekal mampan. Prestasi yang positif ini didorong oleh kestabilan kadar faedah, pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang menyederhana serta keupayaan teknologi baru dan terkini yang menarik perhatian pelabur terutamanya di dalam sektor teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran saham di rantau Asean agak bercampur-campur. Pasaran saham Singapura mencatat kenaikan sebanyak 16.9% dan Filipina pula sebanyak 1.2% sementara pasaran Indonesia mencatatkan penurunan sebanyak 2.7% dan Thailand pula 1.1% masing-masing.

Pasaran ekuiti tempatan pula memperlihatkan prestasi yang cukup memberangsangkan untuk tahun berakhir 31 Disember 2024. Penanda aras utama pasaran saham iaitu *Financial Times Bursa Malaysia Composite Index* (FBMKLCI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak 12.9% untuk ditutup pada paras 1,642.33 mata pada 31 Disember 2024 berbanding penutup pada 1,454.66 mata pada 29 Disember 2023. Sektor-sektor yang mencatat prestasi positif adalah sektor Pembinaan (+60.7%), sektor Utiliti (+38.3%) dan sektor Hartanah (+31.5%) sementara sektor yang mencatatkan penurunan pula adalah sektor Telekomunikasi (-4.4%) dan sektor Barangan Pengguna (-0.8%).

Secara keseluruhannya, prestasi pasaran ekuiti yang memberangsangkan untuk tahun 2024 ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dibantu oleh persekitaran politik yang stabil. Di samping itu, peningkatan kitaran pelaburan dalam negeri menyokong prospek pendapatan syarikat korporat yang lebih kukuh. Limpahan daripada kemasukan pusat data dan peningkatan kitaran teknologi global juga turut memberi manfaat kepada sektor pembinaan, utiliti serta teknologi dan seterusnya meningkatkan momentum positif untuk sektor-sektor terbabit. **(Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2024 dan Tinjauan Ekonomi dan Monetari (TEM) 2024.)**

Momentum positif pasaran ekuiti mula berubah menjelang akhir Januari 2025 berikutan munculnya Deep Seek sebuah platform Kecerdasan Buatan (AI) baharu. Platform ini beroperasi dengan kos yang lebih rendah dan telah menimbulkan kebimbangan wujudnya persaingan global yang semakin sengit seterusnya memberi tekanan kepada sektor berkaitan teknologi. Momentum pasaran terus melemah bila timbulnya ura-ura pentadbiran baru Amerika Syarikat (AS) merancang untuk melaksanakan semula tarif perdagangan yang dikhuatiri akan mencetuskan kembali perang perdagangan global. Pada awal April 2025, pentadbiran baru AS akhirnya mengumumkan pelaksanaan tarif timbal balik terhadap rakan dagangan AS dan pengumuman ini telah mencetuskan rasa panik di seluruh pasaran ekuiti dunia. Pasaran ekuiti tempatan telah mencatatkan kejatuhan antara 15% - 20% akibat daripada pengumuman ini. Walau bagaimanapun, sentimen negatif pasaran kembali reda bilamana pelaksanaan tarif ini ditangguhkan oleh pentadbiran baru AS. Berikut adalah ringkasan penanda aras terpilih dari 1 Mei 2024 hingga 30 April 2025.

	Indeks FBMKLCI	Indeks FBMEMAS
30 April 2024	1,575.97	11,872.26
30 April 2025	1,540.22	11,407.78
(Penurunan)	(2.27%)	(3.91%)
Paras Tertinggi	1,678.80	12,678.41
Paras Terendah	1,386.63	10,237.99

B. Laporan Pasaran Wang

Sepanjang tempoh laporan, Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal berada pada paras 3.00%. **(Sumber: BNM 2024 dan TEM 2024).** Tabung tidak terlibat di dalam pasaran bon.

C. Prospek Ekonomi dan Pasaran

Ekonomi global kekal mampan pada tahun 2024 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.2% (2023: 3.3%). Pertumbuhan ini didukung oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan serta perdagangan global yang kembali pulih. Perdagangan global meningkat dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4% (2023: 0.7%) dipacu oleh peningkatan kitaran teknologi global dan peningkatan pelaburan dalam bidang-bidang baru muncul seperti pendigitalan dan tenaga hijau. Pelancongan antarabangsa terus pulih manakala rantai bekalan bertambah baik setelah gangguan laluan perdagangan yang berlaku pada awal tahun 2024 berkurang. Inflasi keseluruhan global pula menjadi lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh penurunan harga komoditi dan keadaan rantai bekalan menjadi bertambah lancar.

Sejajar dengan perkembangan positif ekonomi global, ekonomi Malaysia bertumbuh sebanyak 5.1% (2023: 3.6%). Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan prestasi eksport kembali pulih. Perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan apabila mendapat manfaat daripada pasaran pekerjaan yang menggalakkan, pengumpulan kekayaan yang berterusan serta sokongan dasar yang berkesan. Eksport pula mengukuh berikutan permintaan yang meningkat daripada rakan perdagangan utama serta limpahan positif daripada peningkatan kitaran teknologi global. Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, dengan semua sektor mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding tahun 2023 sejajar dengan keadaan dalam negeri dan luaran yang bertambah baik.

Pertumbuhan ekonomi global secara amnya dijangka kekal mampan pada tahun 2025 (2.8%-3.3%; 2024:3.2%). Pertumbuhan ini akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang lebih sederhana dan pelonggaran dasar monetari yang berterusan di kebanyakan negara utama. Faktor-faktor ini akan membantu mengimbangi potensi rintangan daripada ketidakpastian berhubung dengan pelaksanaan tarif dan dasar-dasar lain oleh negara ekonomi utama, di samping perkembangan geopolitik yang masih belum reda. Ekonomi serantau pula diunjurkan berkembang pada kadar yang mampan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan serta pengembangan perdagangan yang berterusan.

Walaupun ketidakpastian luaran berterusan, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5% - 5.5% pada tahun 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan kepelbagaian ekonomi negara. Pertumbuhan tenaga pekerja dan pendapatan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan juga kekal mantap, didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang baharu dan yang sedia ada berterusan. Pertumbuhan sektor luaran diunjurkan menjadi lebih sederhana meskipun eksport dijangka masih meraih manfaat daripada peningkatan teknologi global dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Dasar monetari pula kekal tidak berubah berikutan prospek ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh dan inflasi yang sederhana. **(Sumber: BNM 2024, TEM 2024)**. Pengurus juga akan terus proaktif dalam usaha memastikan portfolio Tabung sentiasa berdaya tahan agar dapat menjana pulangan yang positif kepada pemegang unit. InshaAllah.

9. PURATA PULANGAN SEGMENT PELABURAN

A.	Pelaburan Pendapatan Tetap	3.61%
	Dividen	5.29%
	Keuntungan Jualan Saham	7.18%

Peratusan ini dikira bagi melihat sumbangan setiap segmen pendapatan berdasarkan umpukan yang dibuat untuk segmen tersebut.

B.	Perubahan Nilai Ekuiti	(12.98%)
----	------------------------	----------

Peratusan ini dikira untuk melihat perubahan nilai ekuiti berbanding nilai pada awal tahun kewangan.

10. PECAHAN UNIT

Tiada sebarang pecahan unit dilaksanakan dalam tempoh liputan ini.

11. PERUBAHAN YANG KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG DALAM TEMPOH KEWANGAN

Tiada perubahan yang ketara terhadap kedudukan Tabung dalam tempoh liputan ini.

12. SITUASI YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

Tiada sebarang situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit sepanjang tempoh liputan ini.

13. DAGANGAN SILANG

Buat masa ini, Pengurus hanya menguruskan satu tabung sahaja dan secara tidak langsung Tabung tidak terlibat dalam aktiviti dagangan silang ini.

14. KOMISEN RINGAN

Pengurus tidak menikmati apa-apa komisen ringan untuk kepentingannya. Pengurus tidak menerima apa-apa bentuk rebat daripada broker. Kesemua urusan dengan broker dilaksanakan pada kadar pasaran yang kompetitif. Komisen ringan seperti dokumen penyelidikan, data dan penerbitan-penerbitan yang berkaitan dengan pelaburan, jika ada, akan digunakan untuk kepentingan Tabung terutama di dalam membantu membuat keputusan pelaburan bagi Tabung. Pengurus melaksanakan transaksi dengan sesuatu broker atau wakil niaga bukan kerana untuk mendapatkan komisen ringan. Pengurus juga tidak boleh melakukan urus niaga yang keterlaluan dengan sesuatu broker atau wakil niaga itu untuk melayakkan Pengurus mendapat komisen ringan tersebut.

Laporan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang telah diaudit. Sekian.

Bertarikh : 19 Jun 2025

LAPORAN PEMEGANG AMANAH



PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **KUMIPA BALANCED FUND** ("Tabung"),

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2025 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD** telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**



ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh: 29 Mei 2025

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, PROFESOR DATO' DR HAJI MUHAMAD BIN MUDA dan DATIN HAJJAH NOR ASMAH BINTI ABDUL, dua daripada Pengarah Pengurusan Kumipa Berhad ("Pengurus"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan yang dibentangkan telah disusun mengikut peruntukan Surat Ikatan dan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan KUMIPA Balanced Fund ("Tabung") pada 30 April 2025 dan keputusan serta aliran tunai Tabung bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bagi pihak Pengurus

PROFESOR DATO' DR HAJI MUHAMAD BIN MUDA

Pengarah

DATIN HAJJAH NOR ASMAH BINTI ABDUL

Pengarah

Tarikh: 19 Jun 2025

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT KUMIPA BALANCED FUND

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund (“Tabung”) yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 30 April 2025, serta penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk dasar-dasar perakaunan yang material, seperti yang dibentangkan di dalam penyata kewangan yang dilampirkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung pada 30 April 2025 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kami juga telah mengesahkan pengiraan Nisbah Jumlah Perbelanjaan dan Nisbah Dagangan Portfolio seperti yang dinyatakan dalam Nota 16 dan 17 penyata kewangan adalah munasabah.

Asas-asas Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami yang dinyatakan dalam piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya dalam laporan kami di bahagian Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Tabung ini selaras dengan Undang-undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Kod Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA seperti yang terpakai kepada pengauditan penyata kewangan Tabung dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengurus adalah bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Penyata oleh Pengurus tetapi tidak termasuk penyata kewangan Tabung dan laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Tabung tidak termasuk maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Tabung, tanggungjawab kami adalah untuk meneliti maklumat lain dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Tabung mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah dijalankan oleh kami, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa penemuan untuk dilaporkan di dalam hal ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT KUMIPA BALANCED FUND

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)**Tanggungjawab Pengurus Tabung dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Tabung yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pengurus juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang diperlukan, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus, untuk memastikan penyediaan penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Tabung, Pengurus adalah bertanggungjawab menilai keupayaan Tabung beroperasi sebagai suatu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Pengurus berhasrat untuk membubarkan Tabung atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik untuk berbuat demikian. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Tabung secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia berlaku. Salah nyata yang ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan adalah dianggap ketara jika, secara individu atau terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- (i) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Tabung, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (ii) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit agar dapat merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Tabung.
- (iii) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT KUMIPA BALANCED FUND

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

- (iv) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pengurus, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Tabung untuk beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki menyatakan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Tabung atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Tabung menghentikan operasi sebagai suatu usaha berterusan.
- (v) Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Tabung, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai persembahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop yang telah dirancang dan masa menjalankan audit dan penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan-kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Tabung, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
Akauntan Bertauliah

AIZUL IZUAN BIN ABDUL HAMID
NO. 03509/07/2026 J
Akauntan Bertauliah

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 APRIL 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Pelaburan			
Sekuriti tersenarai	4	20,155,543	22,907,007
Simpanan jangka sederhana	6	12,089,709	12,089,709
Simpanan jangka pendek	6	8,939,461	9,738,711
		<u>41,184,713</u>	<u>44,735,427</u>
Aset lain			
Pelbagai penghutang		30	30
Jumlah terhutang oleh broker saham		68,868	-
Faedah dan dividen belum terima		426,802	283,440
Cukai boleh dituntut		200,496	195,500
Wang dan baki di bank	7	643,852	758,501
		<u>1,340,048</u>	<u>1,237,471</u>
Jumlah aset		<u>42,524,761</u>	<u>45,972,898</u>
Liabiliti semasa			
Pengurusan Kumipa Berhad		51,872	56,198
AmanahRaya Trustees Berhad		3,458	3,747
Perbelanjaan terakru		12,800	12,833
Agihan terakru	8	2,015,968	2,099,918
Jumlah liabiliti		<u>2,084,098</u>	<u>2,172,696</u>
Ekuiti			
Modal pemegang unit	9	128,082,013	127,732,232
Kerugian terkumpul		(87,641,350)	(83,932,030)
Jumlah ekuiti		<u>40,440,663</u>	<u>43,800,202</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>42,524,761</u>	<u>45,972,898</u>
Unit dalam edaran		<u>196,458,745</u>	<u>195,039,745</u>
Nilai aset bersih (selepas agihan)		<u>40,440,663</u>	<u>43,800,202</u>
Nilai aset bersih seunit (selepas agihan)		<u>0.2058</u>	<u>0.2246</u>

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Pendapatan			
Hibah		480,806	413,410
Faedah		292,867	291,584
Dividen kasar dikecualikan cukai		949,118	830,163
Dividen kasar bercukai		44,340	31,920
Keuntungan jualan sekuriti tersenarai		1,310,637	2,451,072
Pendapatan telah direalisasi		<u>3,077,768</u>	<u>4,018,149</u>
Perubahan di dalam (penurunan)/kenaikan nilai pelaburan sekuriti tersenarai	13	<u>(4,036,638)</u>	<u>2,544,380</u>
		(958,870)	6,562,529
Perbelanjaan			
Fi Pengurusan	10	660,729	640,784
Fi Pemegang Amanah	11	44,049	42,719
Fi Juruaudit		10,000	10,000
Fi Agen Percukaian		2,800	2,800
Perbelanjaan Pentadbiran		5,504	15,419
		<u>(723,082)</u>	<u>(711,722)</u>
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai		(1,681,952)	5,850,807
Cukai	12	<u>-</u>	<u>-</u>
(Kerugian)/Keuntungan selepas cukai dan jumlah pendapatan/perbelanjaan komprehensif bagi tahun semasa		<u>(1,681,952)</u>	<u>5,850,807</u>
(Kerugian)/Keuntungan selepas cukai adalah seperti berikut:			
Telah direalisasi		2,354,686	3,306,427
Tidak direalisasi: Perubahan di dalam (penurunan)/kenaikan nilai pelaburan sekuriti tersenarai	13	<u>(4,036,638)</u>	<u>2,544,380</u>
		<u>(1,681,952)</u>	<u>5,850,807</u>

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

	Modal pemegang unit (Nota 9) RM	Kerugian terkumpul RM	Nilai aset bersih RM
1 Mei 2023	127,312,602	(87,677,568)	39,635,034
Keuntungan selepas cukai telah direalisasi	-	3,306,427	3,306,427
Perubahan di dalam peningkatan nilai pelaburan sekuriti	-	2,544,380	2,544,380
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun semasa	-	5,850,807	5,850,807
Penerimaan dari penjadian unit	693,411	-	693,411
Pembayaran untuk pembatalan unit	(273,781)	-	(273,781)
Pengimbangan agihan	-	(5,351)	(5,351)
Agihan bagi tahun semasa (Nota 8)	-	(2,099,918)	(2,099,918)
30 April 2024	127,732,232	(83,932,030)	43,800,202
1 Mei 2024	127,732,232	(83,932,030)	43,800,202
Keuntungan selepas cukai telah direalisasi	-	2,354,686	2,354,686
Perubahan di dalam penurunan nilai pelaburan sekuriti	-	(4,036,638)	(4,036,638)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun semasa	-	(1,681,952)	(1,681,952)
Penerimaan dari penjadian unit	968,598	-	968,598
Pembayaran untuk pembatalan unit	(618,817)	-	(618,817)
Pengimbangan agihan	-	(11,400)	(11,400)
Agihan bagi tahun semasa (Nota 8)	-	(2,015,968)	(2,015,968)
30 April 2025	128,082,013	(87,641,350)	40,440,663

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Aktiviti operasi			
Penerimaan daripada jualan pelaburan		4,730,531	6,736,751
Bayaran bagi belian pelaburan		(4,773,936)	(6,095,687)
Penerimaan daripada dividen		979,856	921,924
Penerimaan daripada faedah dan hibah		639,420	733,452
Bayaran kepada Pengurus		(665,055)	(635,859)
Bayaran kepada Pemegang Amanah		(42,337)	(42,391)
Fi juruaudit dibayar		(10,000)	(10,000)
Fi ejen cukai dibayar		(2,800)	(2,800)
Perbelanjaan lain		(5,478)	(15,403)
Tunai digunakan dalam operasi		848,201	1,589,987
Cukai dibayar		(563)	(666)
Agihan dibayar		(2,099,919)	(1,692,384)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		<u>(1,252,281)</u>	<u>(103,063)</u>
Aktiviti kewangan			
Penerimaan daripada penjadian unit		976,410	695,497
Pembayaran untuk pembatalan unit		(638,028)	(281,219)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti kewangan		<u>338,382</u>	<u>414,278</u>
(Pengurangan)/Penambahan dalam baki tunai dan dan bersamaan tunai			
		(913,899)	311,215
Tunai dan bersamaan tunai			
- pada awal tahun		22,586,921	22,275,706
- pada akhir tahun	7	<u>21,673,022</u>	<u>22,586,921</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**1. TABUNG PENGURUS DAN KEGIATAN MEREKA**

KUMIPA Balanced Fund (“Tabung”) beroperasi selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan Tambahan ke Lapan (Surat Ikatan) bertarikh 26 April 2012 yang dibaca bersekali dengan Surat Ikatan Tambahan Ke Sembilan bertarikh 23 Mac 2023 dibuat di antara Pengurusan Kumipa Berhad (“Pengurus”) dan AmanahRaya Trustees Berhad (“Pemegang Amanah”).

Kegiatan utama Tabung adalah pelaburan dalam “Pelaburan yang Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di dalam Jadual ke Lapan Surat Ikatan yang termasuk saham dan debentur di mana-mana syarikat dan simpanan tunai di institusi kewangan berlesen.

Pengurusan Kumipa Berhad adalah merupakan Pengurus Kumpulan Wang Berlesen di bawah Seksyen 58, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 dan ianya adalah syarikat milik mutlak Amanah Saham Pahang Berhad. Kegiatan utamanya ialah mengurus tabung unit amanah saham KUMIPA Balanced Fund (“Tabung”).

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Tabung telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan dan mematuhi Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah piawaian baru, pindaan-pindaan kepada piawaian perakaunan dan interpretasi-interpretasi baru terhadap piawaian perakaunan yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB):

(a) Penguatkuasaan piawaian baru dan pindaan kepada MFRS

MFRS, Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC yang diterbitkan yang telah diterima pakai.

Dalam tahunan kewangan semasa, Tabung menerima pakai piawaian perakaunan dan pindaan kepada MFRS yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024 seperti berikut:

- Pindaan kepada MFRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan
- Pindaan kepada MFRS 16: Liabiliti Pajakan
- Pindaan kepada MFRS 107 dan MFRS 7: Pendedahan Perkhidmatan Kewangan Pembekal

Penggunaan piawaian baru dan pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi kesan kewangan ketara kepada pendedahan atau amaun di dalam penyata kewangan Tabung.

(b) Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan Tabung dinyatakan seperti berikut:

Pindaan kepada Konsep Rujukan

- Pindaan kepada MFRS 121: Kekurangan kebolehtukaran¹
- Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian Perakaunan MFRS – Jilid 11²
- Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7: Pengkelasan dan pengukuran instrumen kewangan dan kontrak merujuk kepada elektrik bergantung kepada alam semula jadi²

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(b) Piawaian dan pindaan kepada MFRS yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (sambungan)****Pindaan kepada Konsep Rujukan (sambungan)**

- Pindaan kepada MFRS 18: Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan³
- Pindaan kepada MFRS 19: Anak Syarikat tanpa Akauntabiliti Awam (Pendedahan)³
- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128: Penjualan aset antara pelabur dan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama⁴

¹Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025.

²Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026.

³Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

⁴Penangguhan kepada tarikh yang akan diumumkan oleh MASB.

Piawaian dan pindaan kepada MFRS di atas akan diterima pakai di dalam penyata kewangan tahunan Tabung apabila ia berkuat kuasa dan penggunaan Piawaian dan pindaan kepada MFRS ini tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Tabung dalam tempoh permohonan awal.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Pelaburan**(i) Pelaburan tersenarai**

Sekuriti tersenarai dinilai pada harga pasaran terakhir yang dinyatakan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 30 April 2025. Lebihan dan kurangan dalam penilaian semula pelaburan telah diambil kira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti tersenarai.

Kos untuk menentukan keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah dikira pada purata wajaran.

(ii) Pelaburan tidak tersenarai

Nilai dibawa sekuriti pendapatan tetap tidak tersenarai yang diterbitkan oleh syarikat - syarikat Malaysia dan diberi penarafan oleh Rating Agency of Malaysia atau Malaysia Rating Corporation Berhad dinilai pada nilai saksama disenaraikan oleh "Bond Pricing Agency" yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 30 April 2025 seperti dinyatakan di dalam Nota Panduan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Lebihan dan kurangan di dalam penilaian semula pelaburan telah diambil kira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti.

Keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah berdasarkan perbezaan harga jualan bersih dan nilai dibawa pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)**(b) Penghutang**

Jumlah terhutang oleh broker, faedah dan dividen belum terima secara keseluruhan diterima dalam lingkungan 30 hari selepas direkodkan sebagai penghutang.

(c) Pemiutang

Jumlah terhutang kepada broker saham, Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad adalah tidak dijamin dan selalunya dibayar dalam lingkungan 30 hari selepas diiktirafkan.

(d) Pendapatan dividen

Dividen daripada pelaburan tersiar harga diambil kira berdasarkan kepada tarikh ex dividen.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diambil kira mengikut asas akruan kecuali diragui.

(f) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Tabung menepati tafsiran instrumen "Puttable" yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Instrumen Kewangan: Persembahan.

(g) Pengimbangan agihan

Pengimbangan agihan diambil kira pada tarikh penjadian dan pembatalan unit. Ianya merupakan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk harga penjadian dan pembatalan unit.

(h) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki bank dan simpanan di institusi kewangan berlesen dan berkecairan tinggi dan tidak mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

(i) Aset kewangan

Semua pembelian biasa atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf pada tarikh perdagangan. Pembelian atau jualan cara tetap adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensional di pasaran.

Semua aset kewangan yang diiktiraf kemudiannya diukur secara keseluruhan sama ada pada kos atau nilai saksama yang dilunaskan, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan.

i) Pengkelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut kemudiannya diukur pada kos terlunas (amortised cost):

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)****(i) Aset kewangan (sambungan)****i) Pengkelasan aset kewangan (sambungan)**

- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut kemudiannya diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (fair value through other comprehensive income, "FVTOCI"):

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang matlamatnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Kategori ini hanya terdiri daripada derivatif dalam wang. Mereka dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dalam pendapatan kewangan atau perbelanjaan. Selain daripada instrumen kewangan derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, Tabung tidak mempunyai sebarang aset yang dimiliki untuk dagangan atau mereka secara sukarela mengklasifikasikan sebarang aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Selain daripada di atas, semua aset kewangan lain diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi (fair value through profit or loss, "FVTPL").

(ii) Kaedah kos terlunas dan faedah berkesan (effective interest)

Pada pengiktirafan awal aset diukur pada nilai saksama ditambah dengan kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos yang dilunaskan bagi aset kewangan ialah amaun aset kewangan diukur pada pengiktirafan awal dikurangkan dengan pembayaran balik pokok, ditambah dengan pelunasan kumulatif dengan menggunakan kaedah faedah berkesan bagi sebarang perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun matang, diselaraskan untuk sebarang kerugian elaun. Amaun kasar aset kewangan adalah kos yang dilunaskan bagi aset kewangan sebelum menyesuaikan sebarang elaun kerugian.

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan untuk instrumen hutang yang diukur kemudian pada kos terlunas dan di FVTOCI. Bagi instrumen kewangan selain daripada aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar aset kewangan. Bagi aset kewangan yang kemudiannya menjadi kredit terjejas, pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada kos yang dilunaskan bagi aset kewangan.

Bagi aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, Tabung mengiktiraf pendapatan faedah dengan menggunakan kadar faedah berkesan yang diselaraskan oleh kredit ke atas kos yang dilunaskan aset kewangan daripada pengiktirafan awal. Pengiraan tidak kembali kepada amaun kasar walaupun risiko kredit aset kewangan kemudiannya bertambah baik supaya aset kewangan tidak lagi terjejas oleh kredit.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)****(i) Aset kewangan (sambungan)****(iii) Instrumen hutang**

Pengukuran berikutan instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Tabung untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori ukuran di mana Tabung mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

- Kos terlunas: Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak dimana aliran tunai tersebut mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos terlunas. Keuntungan atau kerugian atas pelaburan hutang yang kemudiannya diukur pada kos terlunas dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyahiktiraf atau terjejas. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.
- FVTOCI: Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur di FVTOCI. Pergerakan dalam jumlah dibawa melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"), kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Perolehan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi. OCI diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam lain-lain keuntungan/(kerugian). Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam lain-lain keuntungan dan kerugian dan perbelanjaan rosot nilai dalam lain-lain perbelanjaan.
- FVTPL: Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVTOCI diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pelaburan hutang yang sebahagian daripada hubungan lindungan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan dinyatakan bersih dalam penyata untung atau rugi dalam lain-lain keuntungan/(kerugian) dalam tempoh di mana ia timbul.

(iv) Instrumen ekuiti

Tabung kemudian mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Sekiranya pengurusan Tabung memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada keuntungan atau kerugian berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Tabung untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam lain-lain keuntungan/(kerugian) dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan. Kerugian rosot nilai (dan penarikbalikan kerugian rosot nilai) ke atas pelaburan ekuiti diukur pada FVTOCI tidak dilaporkan secara berasingan daripada perubahan lain dalam nilai saksama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)**(i) Aset kewangan (sambungan)****(v) Rosot nilai aset kewangan**

Tabung mengiktiraf kerugian bagi kerugian kredit dijangka (ECL) ke atas pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI, penghutang pajakan, amaun yang terhutang daripada pelanggan dalam kontrak pembinaan, serta komitmen pinjaman dan kontrak jaminan kewangan. Tiada kerugian rosot nilai diiktiraf untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti. Jumlah kerugian kredit dijangka dikemaskini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen kewangan masing-masing.

Tabung sentiasa mengiktiraf ECL sepanjang hayat bagi penghutang perdagangan, amaun yang terhutang daripada pelanggan dalam kontrak pembinaan dan penghutang pajakan. Kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan ini dianggarkan menggunakan matriks peruntukan berdasarkan kerugian kredit bersejarah Tabung, disesuaikan dengan faktor yang khusus kepada penghutang, keadaan ekonomi am dan penilaian kedua-dua dan juga arah ramalan keadaan pada tarikh pelaporan, termasuk nilai masa wang jika sesuai.

Bagi semua instrumen kewangan lain, Tabung mengiktiraf ECL sepanjang hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal. Jika sebaliknya, risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, Tabung mengukur elauan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada jumlah yang sama dengan 12 bulan ECL. Penilaian sama ada ECL sepanjang hayat harus diiktiraf berdasarkan pada peningkatan ketara dalam kemungkinan atau risiko berlaku kemungkiran sejak pengiktirafan awal dan bukannya bukti aset kewangan yang mengalami rosot nilai kredit pada tarikh pelaporan atau berlaku kemungkiran sebenar.

ECL sepanjang hayat mewakili kerugian kredit yang dijangka yang akan timbul daripada semua peristiwa daripada kemungkiran sepanjang hayat anggaran instrumen kewangan. Sebaliknya, 12 bulan ECL mewakili bahagian ECL sepanjang hayat yang dijangka terhasil daripada peristiwa mungkir pada instrumen kewangan yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

(vi) Penyahiktirafan aset kewangan

Tabung menyahiktiraf aset kewangan apabila hak kontrak kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau ia memindahkan hak untuk menerima aliran tunai kontraktual dalam suatu urusan niaga yang mana sebahagian besarnya risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan adalah dipindahkan atau di mana Tabung tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dan ia tidak mengekalkan kawalan aset kewangan.

Tabung memasuki transaksi di mana ia memindahkan aset yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangannya, tetapi mengekalkan sama ada semua atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran aset yang dipindahkan. Dalam kes ini, aset yang dipindahkan tidak dinyahiktirafkan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)**(j) Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai diukur pada kos terlunas atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan pada FVTPL jika ia dipegang untuk dagangan (held-for-trading), ia merupakan derivatif atau ia ditetapkan sebagai seperti pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan di FVTPL diukur pada nilai saksama dan keuntungan dan kerugian bersih, termasuk perbelanjaan faedah, diiktiraf dalam untung atau rugi. Liabiliti kewangan lain kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Perbelanjaan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan juga diiktiraf dalam untung atau rugi.

(i) Liabiliti kewangan melalui FVTPL

Kategori ini hanya terdiri daripada derivatif tanpa wang. Mereka dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Tabung tidak memegang atau mengeluarkan instrumen derivatif untuk tujuan spekulasi, tetapi untuk tujuan lindung nilai. Selain daripada instrumen kewangan derivatif ini, Tabung tidak mempunyai sebarang liabiliti yang dipegang untuk dagangan dan ia tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

(ii) Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan termasuk item berikut:

Hutang perdagangan dan liabiliti kewangan jangka pendek lain, yang pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan seterusnya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Tabung menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila obligasi kontraknya dibebaskan atau dibatalkan, atau luput. Tabung juga menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila terma-termanya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baru berdasarkan istilah diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama.

Apabila tidak mengiktiraf liabiliti kewangan, perbezaan di antara nilai bawaan dan pertimbangan yang dibayar (termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diandaikan) diiktiraf dalam untung atau rugi.

(k) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara

Penyediaan penyata kewangan Tabung memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Tabung. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

4. SEKURITI TERSENARAI

Bagi tahun berakhir 30 April 2025	Kuantiti Unit	Kos pegangan RM	Nilai pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih tabung %
(a) Kaunter				
Perkhidmatan Kewangan	1,620,825	3,698,633	4,549,137	11.24
Barangan Industri/ Perkhidmatan	3,635,000	2,476,394	2,701,525	6.69
Barangan Pengguna/ Perkhidmatan	2,413,000	1,848,157	2,082,990	5.14
Perladangan	2,750,000	1,558,242	1,753,500	4.34
Pembinaan	2,800,000	1,443,198	1,631,250	4.03
REITS	1,250,000	1,414,164	1,550,000	3.83
Penjagaan Kesihatan	1,255,000	995,907	1,340,600	3.31
Utiliti	1,425,000	932,125	1,016,625	2.52
Tenaga	2,716,661	904,332	908,666	2.26
Teknologi	2,200,000	775,584	801,750	1.98
Hartanah	1,750,000	635,820	705,000	1.74
Pengangkutan & Logistik	1,475,000	589,500	589,500	1.46
Telekomunikasi dan Media	250,000	525,000	525,000	1.30
Jumlah sekuriti tersenarai	25,540,486	17,797,056	20,155,543	49.84
(b) Pelaburan adalah terdiri daripada:				
Perkhidmatan Kewangan				
Bank Islam Malaysia Berhad	1,100,000	2,261,651	2,695,000	6.66
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	520,825	1,436,982	1,854,137	4.58
	<u>1,620,825</u>	<u>3,698,633</u>	<u>4,549,137</u>	<u>11.24</u>
Barangan Industri/ Perkhidmatan				
CB Industrial Product Holding Berhad	595,000	619,601	642,600	1.59
Dancomech Holdings Berhad	1,100,000	467,500	467,500	1.16
EITA Resources Berhad	900,000	553,500	553,500	1.37
KKB Engineering Berhad	75,000	103,098	105,000	0.26
Mentiga Corporation Berhad	115,000	26,644	56,925	0.14
UEM Edgenta Berhad	550,000	429,000	429,000	1.06
Wellcall Holdings Berhad	300,000	277,051	447,000	1.11
	<u>3,635,000</u>	<u>2,476,394</u>	<u>2,701,525</u>	<u>6.69</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

4. SEKURITI TERSENARAI (SAMBUNGAN)

Bagi tahun berakhir 30 April 2025 (sambungan)	Kuantiti Unit	Kos pegangan RM	Nilai pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih tabung %
(b) Pelaburan adalah terdiri daripada (sambungan):				
Barangan Pengguna/ Perkhidmatan				
AEON Corporation (M) Berhad	400,000	444,000	588,000	1.45
Bermaz Auto Berhad	475,000	498,750	498,750	1.23
Lee Swee Kiat Group Bhd	1,238,000	594,240	594,240	1.47
MSM Malaysia Holdings Berhad	300,000	311,167	402,000	0.99
	<u>2,413,000</u>	<u>1,848,157</u>	<u>2,082,990</u>	<u>5.14</u>
Perladangan				
Cepat Wawasan Group Berhad	700,000	451,500	451,500	1.12
Harn Len Corporation Berhad	700,000	256,908	395,500	0.98
TH Plantations Berhad	1,000,000	490,109	525,000	1.30
TSH Resources Bhd	350,000	359,725	381,500	0.94
	<u>2,750,000</u>	<u>1,558,242</u>	<u>1,753,500</u>	<u>4.34</u>
Pembinaan				
Econpile Holdings Berhad	1,625,000	461,383	503,750	1.25
Kerjaya Prospek Group Berhad	100,000	117,910	200,000	0.49
Kimlun Corporation Berhad	550,000	480,936	539,000	1.33
Kumpulan Kitacon Berhad	525,000	382,969	388,500	0.96
	<u>2,800,000</u>	<u>1,443,198</u>	<u>1,631,250</u>	<u>4.03</u>
REITS				
Al-'Aqar Healthcare Reit	<u>1,250,000</u>	<u>1,414,164</u>	<u>1,550,000</u>	<u>3.83</u>
Penjagaan Kesihatan				
Duopharma Biotech Berhad	360,000	424,800	435,600	1.08
KPJ Healthcare Berhad	175,000	173,507	504,000	1.24
Optimax Holdings Berhad	700,000	357,000	357,000	0.88
Y.S.P Southeast Asia Holding Berhad	20,000	40,600	44,000	0.11
	<u>1,255,000</u>	<u>995,907</u>	<u>1,340,600</u>	<u>3.31</u>
Utiliti				
Malakoff Corporation Berhad	650,000	432,250	516,750	1.28
Taliworks Corporation Berhad	775,000	499,875	499,875	1.24
	<u>1,425,000</u>	<u>932,125</u>	<u>1,016,625</u>	<u>2.52</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

4. SEKURITI TERSENARAI (SAMBUNGAN)

Bagi tahun berakhir 30 April 2025 (sambungan)	Kuantiti Unit	Kos pegangan RM	Nilai pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih tabung %
(b) Pelaburan adalah terdiri daripada (sambungan):				
Tenaga				
Carimin Petroleum Berhad	550,000	390,500	390,500	0.97
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad	900,000	319,500	319,500	0.79
Sapura Energy Berhad	866,663	30,333	34,667	0.09
Uzma Berhad	399,998	163,999	163,999	0.41
	<u>2,716,661</u>	<u>904,332</u>	<u>908,666</u>	<u>2.26</u>
Teknologi				
Elsoft Research Berhad	850,000	263,500	263,500	0.65
Excel Force MSC Berhad	1,000,000	225,000	225,000	0.56
MY E.G. Services Berhad	350,000	287,084	313,250	0.77
	<u>2,200,000</u>	<u>775,584</u>	<u>801,750</u>	<u>1.98</u>
Hartanah				
Glomac Berhad	800,000	267,313	268,000	0.66
Malaysian Resources Corporation Berhad	950,000	368,507	437,000	1.08
	<u>1,750,000</u>	<u>635,820</u>	<u>705,000</u>	<u>1.74</u>
Pengangkutan & Logistik				
Pos Malaysia Berhad	725,000	195,750	195,750	0.48
Tasco Berhad	750,000	393,750	393,750	0.98
	<u>1,475,000</u>	<u>589,500</u>	<u>589,500</u>	<u>1.46</u>
Telekomunikasi & Media				
Axiata Group Berhad	250,000	525,000	525,000	1.30
Jumlah sekuriti tersenarai	25,540,486	17,797,056	20,155,543	49.84
Keuntungan tidak direalisasi		2,358,487		
		<u>20,155,543</u>		

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025
5. INFORMASI SEGMENT
Keseluruhan

Informasi segmen telah disediakan dengan menunjukkan pelaburan di Nota 4 kepada penyata kewangan mengikut sektor industri.

6. SIMPANAN JANGKA PANJANG DAN PENDEK

	2025	2024
	RM	RM
(a) Simpanan jangka sederhana/panjang (Nota 7):		
Bank perdagangan	8,600,000	8,600,000
Institusi kewangan pembangunan	3,489,709	3,489,709
	<u>12,089,709</u>	<u>12,089,709</u>
(b) Simpanan jangka pendek (Nota 7):		
Bank perdagangan	7,543,024	8,395,528
Institusi kewangan pembangunan	1,396,437	1,343,183
	<u>8,939,461</u>	<u>9,738,711</u>
Jumlah simpanan	<u>21,029,170</u>	<u>21,828,420</u>
 Kadar purata faedah yang berkuatkuasa pada akhir tahun adalah seperti berikut:	 %	 %
Simpanan jangka sederhana/panjang	3.99	4.01
Simpanan jangka pendek	<u>3.38</u>	<u>3.28</u>

Kadar faedah efektif simpanan jangka pendek dengan bank berlesen adalah antara 2.90% hingga 3.95% (2024: 2.85% hingga 4.00%) dan disimpan untuk tempoh antara satu bulan dan dua bulan (2024: satu bulan dan dua bulan).

Kadar faedah efektif simpanan jangka panjang dengan bank berlesen adalah antara 3.75% hingga 4.15% (2024: 3.75% hingga 4.15%) dan disimpan untuk tempoh antara satu tahun dan dua tahun (2024: satu tahun dan dua tahun).

7. WANG DAN BAKI DI BANK

Baki akhir tunai dan bersamaan tunai yang terkandung di dalam penyata aliran tunai terdiri daripada:

	2025	2024
	RM	RM
Simpanan jangka sederhana/panjang (Nota 6a)	12,089,709	12,089,709
Simpanan jangka pendek (Nota 6b)	8,939,461	9,738,711
Wang dan baki di bank	643,852	758,501
Baki tunai dan bersamaan tunai	<u>21,673,022</u>	<u>22,586,921</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**8. AGIHAN TERKARU**

	2025	2024
	RM	RM
Agihan pertama dan terakhir Pada 30 April 2025/2024	<u>2,015,968</u>	<u>2,099,918</u>

Agihan kepada pemegang unit adalah dari sumber-sumber berikut:

	2025	2024
	RM	RM
Pendapatan		
Hibah dan Faedah	773,673	704,994
Dividen kasar	993,458	862,083
Keuntungan jualan sekuriti tersenarai	<u>295,686</u>	<u>578,360</u>
	<u>2,062,817</u>	<u>2,145,437</u>
Tolak perbelanjaan:		
Perbelanjaan tidak benar	<u>46,849</u>	<u>45,519</u>
	<u>2,015,968</u>	<u>2,099,918</u>
Agihan kasar seunit (sen)	1.05	1.10
Agihan bersih seunit (sen)	<u>1.03</u>	<u>1.08</u>

Tiada agihan dibuat daripada keuntungan yang direalisasikan dari tahun lepas.

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2025		2024	
	Bilangan unit	RM	Bilangan unit	RM
1 Mei	195,039,745	127,732,232	192,932,745	127,312,602
Penjadian Unit	<u>4,300,000</u>	<u>968,598</u>	<u>3,400,000</u>	<u>693,411</u>
	199,339,745	128,700,830	196,332,745	128,006,013
Pembatalan Unit	<u>(2,881,000)</u>	<u>(618,817)</u>	<u>(1,293,000)</u>	<u>(273,781)</u>
30 April	<u>196,458,745</u>	<u>128,082,013</u>	<u>195,039,745</u>	<u>127,732,232</u>
Saiz tabung dibenarkan*	<u>250,000,000</u>		<u>250,000,000</u>	

*Tiada perubahan saiz tabung dibenarkan bagi KUMIPA Balanced Fund pada tahun semasa.

10. FI PENGURUSAN

Fi pengurusan adalah 1.5% (2024 : 1.5%) setahun atas Nilai Aset Bersih Kasar Tabung (NAB Kasar) yang dikira secara harian.

11. FI PEMEGANG AMANAH

Kiraan adalah berdasarkan 0.1% (2024: 0.1%) setahun atas Nilai Aset Bersih Kasar Tabung (NAB Kasar) yang dikira secara harian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025
12. CUKAI

	2025 RM	2024 RM
Di Malaysia		
- Cukai pendapatan tahun semasa	-	-

Cukai tahun semasa adalah atas pendapatan perniagaan ke atas dividen setelah ditolak perbelanjaan yang dibenar dibawah Seksyen 63B, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

13. TIDAK DIREALISASI: PERUBAHAN DI DALAM (PENURUNAN)/KENAIKAN NILAI PELABURAN SEKURITI TERSENARAI

	2025 RM	2024 RM
Keuntungan sekuriti tersenarai yang belum direalisasikan	2,358,487	4,569,107
Tolak : Jumlah rosot nilai tahun semasa	(1,826,018)	(349,640)
	532,469	4,219,467
Tolak : Keuntungan yang belum direalisasikan tahun sebelumnya	(4,569,107)	(1,675,087)
	(4,036,638)	2,544,380

14. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PIHAK BERKAITAN

Butir kepentingan Pengurus, Para Pengarah Pengurus, Syarikat Induk Pengurus dan pihak berkaitan Pengurus pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	2025		Status
	Unit	RM	hakmilik
Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	86,688	17,840	Sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	5,982,781	Sah
Para Pengarah Pengurus	115,992	23,871	Sah
Syarikat berkaitan **	22,366	4,603	Sah
	<u>22,366</u>	<u>4,603</u>	
	2024		Status
	Unit	RM	hakmilik
Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	177,317	39,825	Sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	6,529,313	Sah
Para Pengarah Pengurus	115,992	26,052	Sah
Syarikat berkaitan **	22,366	5,023	Sah
	<u>22,366</u>	<u>5,023</u>	

Nilai bagi unit pegangan tersebut di atas adalah berdasarkan nilai aset bersih seunit selepas agihan iaitu RM0.2058 (2024: RM0.2246).

** Syarikat berkaitan adalah syarikat subsidiari kepada Syarikat Induk Pengurus, Amanah Saham Pahang Berhad.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025**15. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT BROKER SAHAM**

Butir-butir lengkap urus niaga dengan semua broker saham bagi tahun berakhir 30 April 2025 adalah seperti berikut:

Syarikat broker	Nilai dagangan RM	Peratusan nilai dagangan %	Yuran broker RM	Peratusan yuran broker %
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	2,456,992	25.66%	6,749	26.18%
RHB Investment Bank Bhd	1,806,225	18.87%	4,965	19.26%
BIMB Securities Sdn Bhd	1,667,332	17.42%	4,579	17.76%
Maybank Investment Bank Bhd	918,925	9.60%	2,521	9.78%
Affin Hwang Investment Bank Bhd	708,059	7.40%	1,955	7.59%
Phillip Capital Sdn Bhd	648,656	6.78%	1,791	6.95%
AmlInvestment Bank Berhad	524,765	5.48%	1,345	5.22%
CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	525,844	5.49%	1,030	3.99%
M&A Securities Sdn Bhd	316,538	3.31%	840	3.26%
	<u>9,573,336</u>	<u>100.00%</u>	<u>25,775</u>	<u>100.00%</u>

Kesemua syarikat broker saham adalah tidak berkaitan dengan Pengurus dan Tabung.

16. NISBAH JUMLAH PERBELANJAAN

Nisbah jumlah perbelanjaan (NJP) bagi tahun semasa ialah 1.64% (2024: 1.67%). NJP termasuk fi pengurusan, fi pemegang amanah, fi juruaudit, fi agen percukaian dan perbelanjaan pentadbiran yang dikira seperti berikut:

$$NJP = \frac{(A+B+C+D+E) \times 100\%}{F}$$

- A = fi pengurusan
- B = fi pemegang amanah
- C = fi juruaudit
- D = perbelanjaan pentadbiran
- E = fi agen percukaian
- F = purata nilai aset bersih Tabung

Purata nilai aset bersih Tabung untuk tahun berakhir adalah RM44,045,877 (2024: RM42,599,617) dikira berpandukan asas harian.

17. NISBAH DAGANGAN PORTFOLIO

Nisbah dagangan portfolio bagi tahun semasa ialah 0.11 kali (2024: 0.15 kali).

Nisbah dagangan portfolio adalah daripada pengiraan berikut:

$$= \frac{(\text{Jumlah pemerolehan Tabung} + \text{jumlah pelupusan Tabung untuk satu tahun kewangan}) / 2}{\text{Purata nilai aset bersih Tabung untuk satu tahun kewangan berpandukan asas harian}}$$

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

17. NISBAH DAGANGAN PORTFOLIO (SAMBUNGAN)

Dimana:

Jumlah pemerolehan dalam tahun = RM4,773,936 (2024: RM6,095,687)

Jumlah pelupusan dalam tahun = RM4,799,399 (2024: RM6,653,510)

18. INSTRUMEN KEWANGAN: PENDEDAHAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Tabung terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran pelaburan, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko sekuriti tertentu dan risiko kecairan dan aliran tunai akibat daripada pegangan instrumen kewangan yang dilakukan oleh Tabung adalah seperti di bawah.

Risiko pasaran pelaburan

Sekuriti tersenarai dan juga yang bergantung kepada kadar faedah mudah dipengaruhi oleh ketidakpastian harga pasaran di masa hadapan.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan pelbagai pendedahan di dalam portfolio pelaburan Tabung. Kedudukan harga pasaran Tabung diawasi oleh pengurus Tabung setiap hari.

Risiko kadar faedah

Tabung adalah terdedah kepada risiko kadar faedah, kesan dari pelaburan di dalam bon atau sekuriti pendapatan tetap. Risiko ini akan dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah dan taraf kredit.

Risiko kredit

Risiko kredit berlaku akibat kegagalan mana-mana pihak yang berurusan dengan Tabung untuk menyelesaikan komitmen masing-masing.

Semua transaksi sekuriti tersenarai melalui broker-broker yang diluluskan dijelaskan atau dibayar ketika penghantaran. Risiko ini dianggap kecil memandangkan penghantaran sekuriti yang dijual dilakukan setelah broker menerima bayaran. Untuk transaksi belian, bayaran dibuat selepas sekuriti diterima oleh pihak broker. Urus niaga akan terbatal sekiranya mana-mana pihak gagal mematuhi peraturan.

Risiko sekuriti tertentu

Harga sesuatu sekuriti mungkin berubah mengikut prestasi syarikat tersebut yang terdedah kepada pelbagai faktor dalaman dan luarannya. Perubahan harga sekuriti tertentu itu akan menjejaskan NAB dan harga unit Tabung. Risiko melabur di dalam sekuriti tertentu ini boleh dikurangkan dengan cara Tabung melabur di dalam pelbagai jenis sekuriti yang dibenar.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko di mana Tabung akan mengalami kesukaran dalam merealisasikan aset atau memperolehi dana yang secukupnya untuk menyelesaikan tanggungan berhubung mana-mana instrumen kewangan. Risiko aliran tunai timbul apabila nilai yang bakal diperolehi dari pegangan instrumen kewangan akan turun naik.

Risiko ini akan diminimalkan kerana aset Tabung terdiri daripada sekuriti-sekuriti yang mudah direalisasi atau mudah dijual, sekiranya perlu. Sekuriti Tabung yang tersenarai, sedia direalisasi kerana ianya tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2025

18. INSTRUMEN KEWANGAN: PENDEDAHAN DAN PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

Pengkelasan Instrumen Kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikelas seperti berikut:

- (i) Kos terlunas (amortised cost) (“AC”)
- (ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)
 - Wajib dikehendaki daripada MFRS 9
 - Ditetapkan pada pengiktirafan awal (“DUI”)
- (iii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (“FVTOCI”)
 - Instrumen ekuiti ditetapkan pada pengiktirafan awal (“EIDUIR”)
 - Instrumen hutang (“DI”)

		Jumlah dibawa	AC	FVTPL	FVTOCI
	Nota	RM	RM	RM	RM
Aset kewangan 2025					
Sekuriti tersenarai	4	20,155,543	-	20,155,543	-
Simpanan jangka sederhana	6	12,089,709	12,089,709	-	-
Simpanan jangka pendek	6	8,939,461	8,939,461	-	-
Jumlah terhutang oleh broker saham		68,868	68,868	-	-
Penghutang		30	30	-	-
Faedah dan dividen belum terima		426,802	426,802	-	-
Cukai boleh dituntut		200,496	200,496	-	-
Wang dan baki di bank	7	643,852	643,852	-	-
Jumlah aset kewangan		<u>42,524,761</u>	<u>22,369,218</u>	<u>20,155,543</u>	<u>-</u>
Aset kewangan 2024					
Sekuriti tersenarai	4	22,907,007	-	22,907,007	-
Simpanan jangka sederhana	6	12,089,709	12,089,709	-	-
Simpanan jangka pendek	6	9,738,711	9,738,711	-	-
Penghutang		30	30	-	-
Faedah dan dividen belum terima		283,440	283,440	-	-
Cukai boleh dituntut		195,500	195,500	-	-
Wang dan baki di bank	7	758,501	758,501	-	-
Jumlah aset kewangan		<u>45,972,898</u>	<u>23,065,891</u>	<u>22,907,007</u>	<u>-</u>

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. BAYARAN AGIHAN PENDAPATAN

Bermula tahun 2024, tiada lagi bayaran agihan pendapatan dibuat menggunakan cek atau melalui akaun Tabung Haji. Mana-mana Pemegang Unit yang tidak memaklumkan nombor akaun bank, maka agihan pendapatan tersebut akan dilaburkan semula dalam bentuk unit-unit saham yang akan dikreditkan / dimasukkan ke dalam akaun Pemegang Unit masing-masing berdasarkan harga semasa.

Pemegang Unit yang berhasrat membatalkan arahan labur semula boleh berbuat demikian dengan melampirkan salinan muka surat bahagian nombor akaun buku bank / nombor akaun pada penyata akaun semasa / slip makluman nombor akaun baru sebagai pengesahan akaun Pemegang Unit.

Makluman nombor akaun baru hendaklah menggunakan borang yang boleh dimuat turun dari laman web www.phgunitrust.com.my atau boleh juga didapati di pejabat Pengurus. Borang berserta dokumen sokongan boleh dihantar melalui e-mel ke administration@phgunitrust.com.my atau "whatsapp" ke nombor 019-9543900.

2. MELABUR SEMULA AGIHAN PENDAPATAN

Pemegang Unit digalakkan melabur semula agihan pendapatan sebagai tambahan pelaburan dengan memberi arahan awal kepada Pengurus.

3. CAJ JUALAN LABUR SEMULA

Semua transaksi labur semula dikenakan caj minima 3% atau atas budi bicara Pengurus.

4. KEMASKINI MAKLUMAT DAN TANDATANGAN PEMEGANG UNIT

1. Pemegang Unit diminta memaklumkan segera sebarang perubahan maklumat seperti berikut:

- i. Alamat Terkini
- ii. Nombor Telefon (talian tetap atau telefon bimbit)
- iii. No. Kad Pengenalan (sila lampirkan salinan Kad Pengenalan yang disahkan dari salinan asal dan hendaklah dipalang untuk kegunaan PKB sahaja)
- iv. Pekerjaan (jika ada)
- v. Pendapatan (jika ada)

Kemaskini maklumat hendaklah menggunakan **BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT** dan kemaskini tandatangan / cap ibu jari hendaklah dibuat di dalam **BORANG KEMASKINI TANDATANGAN PEMEGANG UNIT INDIVIDU** yang dilampirkan di dalam laporan ini atau boleh dimuat turun melalui laman web www.phgunitrust.com.my.

5. MANFAAT TAMBAHAN PEMEGANG UNIT

i. Pelan Takaful Keluarga Berkelompok

Jenis perlindungan : Kematian atau keilangan kekal seluruh tubuh badan.

Syarat-syarat tuntutan :

- Makluman kematian atau keilangan mestilah tidak melebihi tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.
- Umur Pemegang Unit tidak melebihi 65 tahun.
- Pegangan unit ketika kejadian mestilah 10,000 unit atau lebih.

Perlindungan Takaful ini adalah percuma dan Pengurus berhak membuat sebarang pindaan tanpa memaklumkan kepada Pemegang Unit.

ii. Khairat Kematian

Khairat Kematian boleh dibayar dengan syarat yang berikut :

- Maklumat kematian tidak melebihi tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.
- Umur Pemegang Unit melebihi 65 tahun.
- Pegangan unit ketika kejadian mestilah 10,000 unit atau lebih.

Sila hubungi pejabat Pengurusan untuk maklumat lanjut.

6. PENAMAAN PEMOHON BERSAMA

Pemegang Unit adalah digalakkan untuk membuat Penamaan Pemohon Bersama untuk mengelakkan masalah proses tuntutan harta pusaka pada masa akan datang. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pejabat Pengurusan Kumipa Berhad.

C. ARAHAN PEMBAYARAN AGIHAN PENDAPATAN

Saya bersetuju untuk menerima bayaran terus ke akaun bank saya seperti berikut :

Nama Bank *No. Akaun

*Sila lampirkan salinan muka hadapan buku akaun simpanan atau penyata akaun sebagai pengesahan akaun Pemegang Unit.

Saya bersetuju melabur semula agihan pendapatan mengikut harga jualan yang ditentukan oleh Pengurus.

D. PENGISYTIHARAN POLITICALLY EXPOSED PERSON (PEP)

*PEP adalah seorang individu yang mempunyai pengaruh politik atau telah diamanahkan dengan fungsi / jawatan awam yang penting dalam negara atau oleh negara luar termasuk Ketua Kerajaan/Negeri, Pegawai Tinggi Kehakiman, Tentera atau Polis, Ahli Politik (Majlis Tertinggi), Kerabat DiRaja, Pengurusan Kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan.

1) Adakah anda seorang PEP? YA TIDAK **ATAU** Adakah anda mempunyai pertalian YA TIDAK kaitan dengan mana-mana PEP?

2) Jika YA, sila pilih jenis PEP

- Ketua Kerajaan / Negeri
 Ahli Politik / Majlis Tertinggi
 Pegawai Tinggi Kehakiman / Tentera atau Polis
 Kerabat DiRaja
 Pengurusan Kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan

3) Jika anda berkaitan dengan PEP, sila nyatakan hubungan anda:

- Suami / Isteri
 Anak
 Ibu / Bapa
 Ibu / Bapa (Mertua)
 Adik-beradik
 Penasihat
 Saudara
 Rakan Perniagaan
 Rakan-Rakan
 Penderma
 Ahli Lembaga Pengarah/AJK
 Pemegang Saham

E. LAPORAN TAHUNAN DAN SETENGAH TAHUNAN KUMIPA BALANCED FUND

Saya memilih untuk menerima Laporan Tahunan / Setengah Tahunan melalui :

Emel (sila lengkapkan alamat emel di **Bahagian A**) Muat turun melalui laman web Pengurus (www.phgunitrust.com.my)

* Nota: Salinan laporan yang bercetak masih boleh didapati daripada pejabat Pengurus atas permintaan Pelabur.

F. TANDATANGAN

Tandatangan/Cap Ibu Jari Kanan Pemohon

Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA			
Dikemaskini oleh		Disemak oleh	
Tarikh		Tarikh	
SPUK		No ID	
Info Tambahan (Add Info)		Catatan	

MAKLUMAT KORPORAT PENGURUS

1. Nama Syarikat : Pengurusan Kumipa Berhad
[No.Syarikat : 198901010602(187904-M)]

2. Struktur Korporat



3. Pejabat : Tingkat 20, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5133900 Faks: 09-5133949

4. Ahli Lembaga Pengarah : YH Profesor Dato' Dr. Haji Muhamad bin Muda
(Ahli Bebas)
YBhg Datin Hajjah Nor Asmah binti Abdul
(CMSRL/A3523/2007)
(Ahli Bukan Bebas)
YBhg Tuan Haji Mazelan@Rosely Abdul Rahman bin Osman
(Ahli Bebas)
Encik Nahmar bin Jamil
(Ahli Bukan Bebas)

5. Ahli Panel Pelaburan : Encik Zainuddin bin Abu Samah
YBhg Datin Hajjah Nor Asmah binti Abdul
YBhg Dr. Alias bin Mat Derus

6. Ketua Eksekutif/
Pengurus Besar : Encik Nadzir bin Dol (CMSRL/A3520/2007)

7. Pegawai Pematuhan : Puan Nor 'Adila binti Zhai
(MIA 41875)

8. Setiausaha Syarikat : Puan Hajjah Wardah binti Abas
(MIA 13850)

9. Bank : CIMB Bank Berhad - Kuala Lumpur/Kuantan

10. Pemegang Amanah : AmanahRaya Trustees Berhad, Tingkat 31, Vista Tower,
The Intermark, 348, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

11. Juruaudit : Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, No. 555, Jalan Samudra Utara 1,
Taman Samudra, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

PENGURUSAN KUMIPA BERHAD 198901010602 (187904-M)
Tingkat 20 Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-513 3900 Faks : 09-513 3949
E-mel : administration@phgunitrust.com.my
Laman web : www.phgunitrust.com.my